

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"  
Fax No.: 088-234076, 236177  
Tel. No.: 088-256744  
Your Ref.: KKTP:100-4/16/(15)  
Our Ref.:



KEMENTERIAN KERAJAAN  
TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT  
AND HOUSING)  
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens  
88999 Kota Kinabalu

23

09 Disember 2004

Presiden  
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden  
Majlis Perbandaran Tawau

Pesuruhjaya  
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Kerja  
**Majlis-Majlis Daerah,**  
**KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM,**  
**KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU,**  
**KOTA MARUDU, SEMPONA, KINABATANGAN, LABUK SUGUT/BELURAN,**  
**BEAUFORT DAN PAPAR**

**SURAT PEKELILING(AKAUN) BIL7. /2004 - CADANGAN PERKHIDMATAN  
PENGURUSAN DANA OLEH JMF ASSET MANAGEMENT SDN. BHD.**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang cadangan Perkhidmatan Pengurusan Dana oleh JMF Asset Management Sdn. Bhd.

**2. LATARBELAKANG**

Bagi meningkatkan hasil dan mamaksimumkan keuntungan daripada lebihan wang tunai yang sedia ada, pihak pengurusan PBT disyorkan supaya membuat pelaburan ekuiti dengan lebihan wang tunai secara profesional dengan melantik Syarikat pengurusan dana dan seterusnya boleh mendapat khidmat nasihat pengurusan kewangan dan dana PBT daripada mereka.

m/s 1

**PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG**

(2)

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan sedemikian, sila rujuk surat syarikat JMF Asset Management Sdn. Bhd. yang menerangkan latarbelakangnya.

### 3. KAEADAH PELAKSANAAN

- 3.1 Surat Pekeliling ini bukan mandatori kepada semua PBT, sebaliknya PBT harus membuat pertimbangan yang sewajarnya sebelum membuat sebarang keputusan.
- 3.2 PBT adalah diminta untuk mematuhi Perenggan 54 dalam Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 sebelum mengambil tindakan selanjutnya.
- 3.3 PBT tidak dihadkan untuk mengambil perkhidmatan pengurusan dana dari Syarikat JMF Asset Management Sdn. Bhd. sahaja, sebaliknya PBT harus juga mempertimbangkan perkhidmatan daripada syarikat lain.

### 4. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang kemosykilan, sila berhubung dengan Setiausaha Tetap melalui No. telefon 088-254404 .

Sekian, harap maklum.

\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH\*

  
[DATUK UJANG SULANI]  
Setiausaha Tetap

Lampiran

 PSLry 09122004